

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

## 21,720 kes sembuh catat rekod tertinggi

**Putrajaya:** Malaysia mencatatkan kes positif COVID-19 harian tertinggi dua hari berturut-turut apabila 22,948 kes dilaporkan semalam berbanding kelmarin, 22,242 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah yang berkongsi ringkasan laporan di akaun Facebook, berkata ketika ini jumlah keseluruhan kes jangkitan COVID-19 di negara ini sebanyak 1,489,460.

Sembilan negeri dan wilayah mencatatkan kes empat angka, didahului Selangor dengan 7,175

kes jangkitan harian.

Ia disusuli Sabah dengan 2,583 kes; Kedah (2,137); Pulau Pinang (1,655); Johor (1,526); Kuala Lumpur (1,439); Kelantan (1,271); Perak (1,229) dan Sarawak, 1,206 kes.

Negeri lain turut mencatatkan pertambahan kes, iaitu Melaka dengan 737 kes; Pahang (736); Terengganu (621); Negeri Sembilan (556); Perlis (42); Putrajaya (26) dan Labuan mencatatkan kes harian terendah, sembilan kes.

Dalam pada itu, kes sembuh mencatatkan rekod tertinggi se-

malam, dengan 21,720 kes.

Pertambahan itu menjadikan jumlah kes sembuh kini 1,220,446 atau 81.94 peratus daripada sejumlah 1,489,460 kes positif, setakat ini.

Dr Noor Hisham berkata, daripada kes positif COVID-19 harian yang dilaporkan semalam, sembilan daripadanya adalah kes import, manakala sebanyak 22,939 adalah penularan tempatan.

Katanya, 178 kes kematian juga dilaporkan, menjadikan jumlah kes kematian membabitkan CO-

VID-19 kini mencecah 13,480 kes.

Seramai 1,060 pesakit dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 528 memerlukan bantuan pernafasan, manakala kes aktif sebanyak 255,534 kes.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, kajian oleh Jabatan Penerangan mengenai reaksi kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) terpaksa ditamatkan awal daripada tarikh sebenar, berikutan maklum balas yang memberangsangkan daripada orang ramai.

Jabatan itu memaklumkan, ka-

jian reaksi yang sepatutnya dijalankan sehingga esok perlu ditamatkan kerana kapasiti jawapan sudah melebihi daripada dibenarkan.

"Jabatan Penerangan mengucapkan terima kasih kepada semua responden yang memberikan maklum balas dan kami memohon maaf atas kesulitan yang dihadapi.

"Terima kasih kepada *BH* yang membantu menghebahkan kepada orang ramai mengenai kajian ini," menurut kenyataan jabatan itu.

**Terkini COVID-19** 21,720 Puluh, dibenar keluar hospital. semalam 22,948 Kes baharu disahkan. semalam 13,480 Jumlah kematian dicatat 1,489,460 Jumlah kes disahkan positif 255,534 kes yang masih dirawat

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

## Mangsa positif COVID-19 dipindahkan ke PKRC

**Gurun:** Seramai 28 mangsa banjir positif COVID-19 di daerah Yan, dipindahkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Kulim, semalam.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kedah, Dr Othman Warijo, berkata semua mangsa terbabit adalah pesakit COVID-19 dalam kategori satu dan dua.

"Keadaan semua mangsa ini stabil dan mereka dibawa PKRC Kulim menaiki kenderaan Kementerian Kesihatan (KKM)," katanya.

Media semalam melaporkan seramai 14 individu positif COVID-19 ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan (SK) Teroi, Yan selepas kediaman mereka dinaiki air ekoran banjir dan fenomena kepala air yang berlaku petang kelmarin.

Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md Nor, berkata selain itu, seramai 45 mangsa yang menjalani kuarantin di rumah, turut dipindahkan ke PPS itu.

Sementara itu, Dr Othman berkata, penggunaan katil bagi menempatkan pesakit COVID-19 di seluruh hospital kerajaan di negeri itu sudah mencapai 95 peratus.

Keadaan semua mangsa ini stabil dan mereka dibawa PKRC Kulim menaiki kenderaan KKM

Othman Warijo,  
Pengarah JKN Kedah



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : COVID-19

22,948 KES BAHARU COVID-19

# Jangkitan melonjak

Oleh Muhaamad Hafis  
Nawawi  
mhafis@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**P**enularan Covid-19 dalam negara sekali lagi merekodkan angka tertinggi apabila mencatatkan 22,948 kes, semalam berbanding 22,242 kes kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan itu menjadikan jumlah kumulatif keseluruhan penularan wabak bertambah kepada 1,489,460 kes setakat ini.

Beliau berkata, daripada keseluruhan kes itu, penularan tempatan membabitkan 19,145 warganegara dan 3,794 bukan warganegara manakala baki sem-



**Sebanyak 457 kes (dua peratus) membabitkan jangkitan kategori tiga hingga lima manakala 22,491 kes (98 peratus) lagi terdiri daripada kategori satu dan dua"**

**Dr Noor Hisham**

bilan lagi adalah kes import dalam kalangan empat rakyat tempatan dan lima warga asing.

"Sebanyak 457 kes (dua peratus) membabitkan jangkitan kategori tiga hingga lima manakala 22,491 kes (98 peratus) lagi terdiri daripada kategori satu dan dua.

"Setakat ini 1,060 pesakit

dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 528 kes daripadanya memerlukan bantuan pernafasan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mengulas lanjut mengenai perincian kes mengikut negeri, Dr Noor Hisham berkata, Selangor kekal merekodkan kes tertinggi iaitu 7,175 kes, diikuti Sabah (2,583 kes), Kedah (2,137 kes), Pulau Pinang (1,655 kes), Johor (1,526 kes), Kuala Lumpur (1,439 kes) dan Kelantan (1,271 kes).

"Selain itu, Perak mencatatkan 1,229 kes, Sarawak (1,206 kes), Melaka (737 kes), Pahang (736 kes), Terengganu (621 kes), Negeri Sembilan (556 kes), Perlis (42 kes), Putrajaya (26 kes) dan Labuan (sembilan kes)," katanya.

Mengenai kes kematian

baru, Dr Noor Hisham berkata, 178 kes dilaporkan semalam membabitkan 155 warganegara dan 23 bukan warganegara.

Menurutnya, daripada jumlah itu, ada 35 kes kematian di luar hospital (BID) membabitkan 26 warganegara dan sembilan bukan warganegara.

Katanya, peningkatan kes kematian semalam menjadikan kes kumulatif bertambah kepada 13,480 atau 0.90 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan, 21,720 kes sembuh daripada jangkitan Covid-19 dilaporkan semalam menjadikan jumlah keseluruhan pesakit sembuh seramai 1,220,446 orang atau 81.9 peratus daripada keseluruhan kes.

## Dine-in dibenar bagi individu lengkap vaksin

**Kuala Lumpur:** Kemudahan tambahan sektor sosial dan ekonomi bagi individu yang menerima vaksinasi lengkap diperluas di negeri Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN) bermula hari ini.

Perdana Menteri semantara, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, semalam beliau mengengerusikan Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi membincang dan mempertimbangkan cadangan Jawatankuasa Khas Teknikal MKN untuk memperluas-

kan kemudahan sektor sosial dan ekonomi terutama bagi Fasa 1 PPN.

Menurutnya, Sidang Khas MKN bersetuju memberi kemudahan tambahan sektor sosial dan ekonomi kepada individu yang menerima vaksinasi lengkap bagi negeri di dalam Fasa 1 PPN.

"Kemudahan tambahan dibenar bagi sektor sosial secara amnya aktiviti *dine-in* kini dibenarkan bagi negeri Fasa 1 PPN dan seterusnya.

"Pengusaha premis kedai makan disaran menyediakan lebih banyak ruang

tempat makan di bahagian luar premis bagi pengudaraan lebih baik," katanya dalam kenyataan, semalam.

Muhyiddin berkata, aktiviti sukan, rekreasi dan riadah tanpa sentuhan fizikal dan bukan berkumpulan (*outdoor*) dibenarkan bagi negeri Fasa 1 PPN dan seterusnya serta terpakai di dalam daerah sama bermula jam 6 pagi hingga 10 malam.

"Aktiviti *dine-in* di restoran atau kafe di premis rumah kelab dibenarkan selaras dengan kebenaran *dine-in*.

"Aktiviti dibenarkan seperti joging, senaman, tai chi, berbasikal, *skateboarding*, memancing, ekuestrian, memanah, mendaki, tenis (*single*), badminton (*single*), golf, permotoran dan seumpamanya," katanya.

Beliau berkata, aktiviti dibenarkan juga termasuk perkelahan dan perkhemahan yang penyertaan anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah dibenarkan dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : COVID-19

## Penyelidikan bantu fahami coronavirus

**Putrajaya:** Penyelidikan berterusan ketika dunia berdepan pandemik membolehkan sektor kesihatan lebih memahami Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata, ia sekali gus membolehkan pengurusan penjagaan klinikal dan tindakan kesihatan awam ditambah baik dalam usaha menangani pandemik supaya keadaan kembali pulih.

"Penggunaan kesihatan digital (*digital health*) terbukti penting dalam peperangan kita melawan Covid-19 seperti penggunaan aplikasi MySejahtera termasuk pengesanan kontak dan pengawasan kesihatan secara dari jauh (*remote*) serta membantu proses pemberian vaksin," katanya ketika merasmikan Persidangan Nasional untuk Penyelidikan Klinikal ke-14 (NCCR) 2021, secara maya, semalam.

Turut menyertai persidangan itu, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan Dan Sokongan Teknikal) Datuk Dr Hishamshah Mohd Ibrahim.

Dr Noor Hisham berkata, penyelidikan berterusan



*Penyelidikan berterusan berperanan penting bagi membolehkan kehidupan kembali normal"*

**Dr Noor Hisham**

berperanan penting bagi membolehkan kehidupan kembali normal.

Katanya, antara perkara penting dan topik dibincangkan dalam NCCR tahun ini termasuk pembangunan vaksin Covid-19, kajian genom untuk penyakit barah serta penyakit tidak berjangkit lain selain penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam perubatan klinikal.

"Satu lagi kejayaan terbaharu Insititut Penyelidikan Klinikal (ICR) yang wajar dilihat adalah pembabitan dalam kajian bersama. Ia kajian rawak antarabangsa terbesar untuk mengenal pasti keberkesanan rawatan Covid-19, membabitkan hampir 12,000 pesakit di 500 hospital di 30 negara," katanya.

## 50.2% populasi dewasa sudah lengkap vaksin

**Kuala Lumpur:** Malaysia berada di landasan tepat mencapai sasaran ditetapkan bagi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) apabila 50.2 peratus atau 11,743,096 populasi dewasa negara ini melengkapkan dua dos suntikan vaksin Covid-19 setakat, kelmarin.

Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV) menerusi perkongsian infografik di Twitter rasminya semalam memaklumkan 75.3 peratus atau 17,625,760 menerima dos pertama, menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin Covid-19 menerusi Pick setakat kelmarin sebanyak 29,368,856 dos.

"Hari ini (semalam), lebih

50 peratus daripada populasi dewasa negara lengkap divaksinasi. Kita di landasan tepat mencapai sasaran ditetapkan untuk Pick.

"Terima kasih dan tahniah kepada semua yang terbabit. Usaha gigih selama ini perlu diteruskan," menurut hantaran itu.

Menurut JKJAV, 54 peratus daripada jumlah populasi keseluruhan negara mendapat dos pertama manakala 36 peratus melengkapkan dua dos suntikan vaksin Covid-19.

Sementara itu, vaksinasi harian mencatat peningkatan kepada 531,114 dos semalam berbanding 525,111 dos pada Selasa dengan 188,474 dos pertama manakala 342,640 dos kedua.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : COVID-19

## Kadar penggunaan katil HTF meningkat

**Kangar:** Kadar penggunaan katil di Hospital Tuanku Fauziah (HTF) di sini dan kemudahan kesihatan kerajaan dalam merawat pesakit Covid-19 di Perlis meningkat sejak minggu lalu.

Pengerusi Pasukan Petugas Imunisasi Covid-19 (CI-TF) Negeri Perlis, Azman Mohd Yusof berkata, walaupun berlaku peningkatan dari segi penggunaan katil berkenaan, namun ia masih berada dalam keadaan terkawal dan tidak membimbangkan.

“Berdasarkan rekod daripada 129 katil yang berada di HTF keseluruhan, ia kini di-

gunakan kesemuanya dengan tambahan dua lagi katil menjadikannya 131 atau 101.5 peratus katil sedang digunakan di HTF bagi merawat pesakit Covid-19.

“Selain itu, di Unit Rawatan Rapi (ICU) HTF pula, daripada 11 katil, lapan daripadanya sedang digunakan atau 72.7 peratus,” katanya.

Katanya, bagi penggunaan katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) Institut Latihan

Kementerian Kesihatan Malaysia (Kejururawatan) Kangar adalah 92 katil daripada 114 katil di kemudahan berkenaan.

“Jumlah berkenaan adalah bersamaan 80.7 peratus dan bagi PKRC Pusat Koreksional Perlis pula, hanya 17 peratus atau 34 katil sahaja digunakan daripada 200 katil yang diperuntukkan di PKRC berkenaan.

“Namun, jika diukur dari segi jumlah pesakit Covid-19 ini, kuantiti kes yang ada di ra-

wat di HTF dan kemudahan kesihatan kerajaan di negeri ini masih rendah dan ia pula perlu dilihat dari segi kategori satu hingga lima,” katanya.

Di samping itu, beliau berkata, terdapat dua kluster tempat kerja yang menyumbang kepada peningkatan kes di Perlis.

“Bagi kluster Jalan Bukit Keteri, 10.9 peratus kakitangan atau 33 pekerja disahkan positif Covid-19 manakala kluster Zon Industri Jejawi pula menyumbang kepada 8.9 peratus atau 27 individu di kilang berkenaan positif Covid-19,” katanya.

**Terdapat dua kluster tempat kerja menyumbang kepada peningkatan kes di Perlis**

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEGARA

## 'Sinar di hujung terowong kembali kelam'

**PUTRAJAYA** – Orang ramai terkedu selepas melihat angka terkini kes positif Covid-19 semalam yang semakin meningkat sehingga mencecah 22,948 kes.

Angka itu adalah merupakan jumlah tertinggi pernah dicatatkan sejak negara dilanda Covid-19 negara.

Selain itu, jangkitan Covid-19 semalam memadamkan rekod kelmarin dengan 22,242 kes.

Rata-rata mereka kembali resah apabila 'sinar di hujung terowong' seperti yang dilaporkan *frontliner* sebelum ini seolah-olah kembali menjadi kelam.

Tinjauan *Kosmo!* di Facebook mendapati pelbagai reaksi dan komen diluahkan orang ramai.

"Tindakan awal yang salah inilah akibatnya, dah parah baru nak bertindak jangan salahkan kerajaan baharu di atas kesilapan orang lain.

"Memang perlu masa yang banyak lepas ini, persoalannya



**SEORANG lelaki warga emas hadir secara walk-in di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Pusat Konvesyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur baru-baru ini.** – MUHAMAD IQBAL ROSLI

mampukah kita serap tekanan kalau perlu *lockdown* sekali lagi sebab itu sahaja jalan yang ada," tulis Mohd Faizall Pejal.

"Hari tu baru je ada sinar di hujung terowong, rasanya macam sudah kelim balik cahaya itu," komen Izuan Kata.

Terdahulu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 22,948 kes dicatatkan semalam menjadikan jumlah kes positif sebanyak 1,489,460 kes.

Sebanyak sembilan negeri mencatatkan kes melebihi empat angka iaitu Selangor merekodkan 7,175 kes, Sabah (2,583 kes) dan Kedah (2,137 kes).

Seterusnya, Pulau Pinang (1,655 kes), Johor (1,526 kes), Kuala Lumpur (1,439 kes), Kelantan (1,271 kes), Perak (1,229 kes) dan Sarawak (1,206 kes).

Negara semalam mencatatkan kes sembuh tertinggi sebanyak 21,720 kes menjadikan jumlah kes sembuh 1,220,446.

Selain itu, sebanyak 178 kematian lagi dilaporkan menjadikan 13,480 keseluruhan pesakit meninggal dunia akibat Covid-19 dengan pesakit aktif dan sedang diasingkan adalah seramai 255,534 orang.

## COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

Jumlah	
Kes Baharu	22,948
Import (daripada luar negara)	9
Tempatan (di negara)	22,939
Pulih	21,720
Kematian	178
Masih dirawat	255,534
Jumlah kes sembuh	1,220,446
Jumlah Kematian	13,480
<b>Jumlah kes keseluruhan</b>	<b>1,489,460</b>

## Kajian klinikal mampu pulih kembali gaya hidup biasa

**PUTRAJAYA** – Usaha penyelidikan berterusan dalam bidang klinikal dijangka mampu memulihkan semula gaya hidup orang ramai seperti sebelum Covid-19 muncul.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, kerjasama kajian pelbagai pihak itu turut menjadikan bidang berkenaan maju seiring keperluan semasa.

"Penyelidikan Covid-19 perlu dilakukan secara berterusan bagi bantu kita memahami penyakit dan kemudian dapat menambah baik isu pengurusan penjagaan kesihatan awam," katanya ketika berucap merasmikan Persidangan Penyelidikan Klinikal Kebangsaan (NCCR) ke-14 secara maya semalam.

Ujar beliau, persidangan kali ini menumpukan aspek kemajuan kajian pandemik selepas lebih setahun dunia berdepan dengan cabaran Covid-19, apatah lagi jumlah kes kini melonjak tinggi akibat varian baharu dan ini memerlukan penyelidikan klinikal yang lebih hebat.

Beliau optimis, kajian semasa mampu menambah baik pengurusan penjagaan klinikal terutama penggunaan digital seperti aplikasi MySejahtera bagi membentuk data raya wabak selain dapat membantu pihak berkuasa membendung penularan lebih teruk apabila dapat menjejak kontak dan kuarantin sendiri secara jarak jauh.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
 MUKA SURAT : 14  
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

# Kedah catat kes melebihi 2,000

Jadi negeri terbaharu catat rekod kes harian tertinggi

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**

**PUTRAJAYA**

**K**es baharu positif Covid-19 terus melonjak dengan angka tertinggi direkodkan pada Khamis iaitu 2,137 selepas Sabah pada Khamis iaitu 2,583 dan kes di Selangor juga meningkat berbanding Rabu selepas merekodkan 7,175 kes.

Bagaimanapun, kes di Kuala Lumpur kekal menunjukkan penurunan kepada 1,439 kes. Ibu kota itu telah berjaya membentuk imunisasi berkelompok selepas 80 peratus daripada populasinya lengkap dos suntikan Covid-19. Pulau Pinang mencatatkan 1,655 kes, diikuti Johor (1,526), Kelantan (1,271), Perak (1,229), Sarawak (1,206), Melaka (737), Pahang (736), Terengganu (621), Perlis (42), Putrajaya (26), dan Labuan (sembilan). Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan itu menjadikan

Lumpur kekal menunjukkan penurunan kepada 1,439 kes. Ibu kota itu telah berjaya membentuk imunisasi berkelompok selepas 80 peratus daripada populasinya lengkap dos suntikan Covid-19.

Pulau Pinang mencatatkan 1,655 kes, diikuti Johor (1,526), Kelantan (1,271), Perak (1,229), Sarawak (1,206), Melaka (737), Pahang (736), Terengganu (621), Perlis (42), Putrajaya (26), dan Labuan (sembilan). Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan itu menjadikan



DR NOOR HISHAM

**MEDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?**

jumlah keseluruhan kes positif adalah 1,489,460 kes.

Sebelum ini, bekas Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa melaporkan, ketiga-tiga wilayah Persekutuan telah berjaya membentuk imunisasi berkelompok.

Putrajaya telah mencapai 80 peratus suntikan dos vaksin iaitu 87,757 individu manakala Labuan pula, 94 peratus populasi dewasa (64,787) telah lengkap dos suntikan.

## PDRM sedia bantu KKM tangani isu penjualan Ivermectin

**KOTA BHARU** – Polis Diraja Malaysia (PDRM) sedia bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi membendung isu penjualan ubat Ivermectin yang tidak terkawal di negara ini.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Mazlan Lazim berkata, pihaknya sentiasa bersedia untuk melakukan siasatan sekiranya menerima laporan mengenai isu berkenaan daripada KKM.

"Isu (penjualan) pil Ivermectin ini adalah urusan di bawah KKM mengikut undang-undang di bawah Akta Racun 1952, jadi ia adalah perkara yang perlu dilihat oleh KKM.

"Namun, kita akan bantu kalau adanya laporan daripada pihak mereka (KKM) tentang adanya produk palsu ke, penglibatan sindiket, maka kita akan jalankan siasatan," katanya kepada pemberita di sini pada Khamis.


Beliau sebelum itu meng-

adakan lawatan kerja rasmi ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan yang turut dihadiri oleh Pengarah Jabatan Pengurusan Bukit Aman, Datuk Zaini Jass dan Ketua Polis Kelantan, Datuk Shafien Mamat.

*Sinar Harian* pada Julai lalu melaporkan, mana-mana pihak yang mempromosi penjualan ubat Ivermectin sebagai penawar Covid-19 boleh dikenakan tindakan tegas di bawah Akta Racun 1952.

Perkara tersebut ditegaskan Presiden Persatuan Farmasi Malaysia (PFM), Amrahi Buang yang turut memberitahu, kesalahan itu adalah berdasarkan Akta Racun 1952 mengenai penjualan ubat tersebut.

Bekas Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba juga memaklumkan sebelum ini, KKM telah memberi kelulusan khas penggunaan ubat berkenaan secara *off label* untuk kajian klinikal sahaja.



Salah satu produk Ivermectin.

## Penyelidikan berterusan bantu kekang penularan Covid-19

**PUTRAJAYA** - Penyelidikan berterusan ke atas Covid-19 membantu pihak berkuasa memahami dengan lebih baik penyakit itu bagi meningkatkan penjagaan klinikal dan langkah-langkah kesihatan awam dalam mengekang pandemik tersebut dan kembali kepada norma, kata Ketua

Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.


"Dalam usaha untuk kembali kepada norma kehidupan kita, penyelidikan memainkan peranan penting," katanya pada Persidangan Kajian Klinikal Kebangsaan 2021 ke-14 (NCCR 2021) bertemakan Niche to Norm

yang berlangsung secara maya pada Khamis.

Pada tempoh yang sama tahun lepas, beliau berkata, Malaysia merekodkan kira-kira 9,200 orang dijangkiti Covid-19 tetapi jumlah itu telah meningkat lebih daripada 100 kali ganda sehingga melebihi satu juta. - *Bernama*

### SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

#### KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI



**Kategori 1** Tanpa gejala  
**Kategori 2** Gejala ringan  
**Kategori 3** Jangkitan paru-paru  
**Kategori 4** Jangkitan paru-paru memerlukan oksigen  
**Kategori 5** Ada jangkitan paru-paru dan memerlukan alat bantuan pernafasan

Sumber: CPRC Kebangsaan & Kementerian Kesihatan Malaysia

#### Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



\*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 19 Ogos 2021

#### JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN	1,489,460	PUTIH	1,220,446	ICU	1,060	KEMATIAN	13,480	KES BAHARU	22,948	SUDAH DIVAKSIN	29,368,856
--------------------	-----------	-------	-----------	-----	-------	----------	--------	------------	--------	----------------	------------

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION/NEWS

## IMMUNISATION MILESTONE

## 50pc of nation's adults fully vaccinated

**KUALA LUMPUR:** Malaysia marked a milestone in the battle against the pandemic yesterday, with more than 50 per cent of its adults fully vaccinated against Covid-19.

This was announced by the Vaccine Supply Access Guarantee Special Committee in a social media post.

"Thank you to all involved. This hard work must continue," it said.

Up to Wednesday, 75.3 per cent of Malaysia's adult population had received at least one dose of Covid-19 vaccine.

Nearly 30 million Covid-19 vaccine shots have been administered in Malaysia so far.

The highest vaccination rates are in Labuan, where 90.2 per cent of adults are completely vac-

inated, followed by Sarawak at 82.5 per cent and the Klang Valley at 73.8 per cent, which was the focus of Operation Surge Capacity.

Up to yesterday, 40.5 per cent of Penang's adult population had been fully vaccinated, 42.3 per cent in Melaka, 58.1 per cent in Perlis and 67.6 per cent in Negri Sembilan.

Sabah is lagging behind, with only 25.8 per cent of its adult population fully inoculated.

Other states with less than 40 per cent of its adult population fully vaccinated are Johor at 32.1 per cent, Kelantan at 32.6 per cent, Kedah at 33.9 per cent, Pahang at 36.8 per cent, Perak at 36.7 per cent and Terengganu at 38.4 per cent.



A recipient getting the Covid-19 vaccine under the Retail Industry Vaccination Programme at Dataran Pahlawan Melaka Megamall in Melaka yesterday. PIC BY SYAFEEZ AHMAD



A health worker cutting off the pink wristband of a person who has completed quarantine at the Laman Xtreme parking lot in Pasir Gudang, Johor, yesterday. PIC BY NUR AISYAH MAZALAN

## COVID-19 UPDATES

## RECORD HIGH OF 22,948 NEW CASES

Nation also sees highest number of recoveries in a day at 21,720

KALBANA PERIMBANAYAGAM AND DAWN CHAN  
**KUALA LUMPUR**  
news@nst.com.my

**M**ALAYSIA saw a record 22,948 new Covid-19 cases yesterday, as well as the highest recoveries in a day at 21,720.

The new infections brought the total number of active cases in the country to 255,534 and total recoveries to 1,220,446 on the 520th day of the pandemic.

The total number of Covid-19 cases has reached 1,489,460.

Health director-general Tan Sri

Dr Noor Hisham Abdullah said out of yesterday's new cases, only nine were imported cases, while the rest were local infections.

"The number of daily deaths from Covid-19 has also seen a reduction to 178 deaths, compared with 225 yesterday (Wednesday), bringing the total deaths in the country to 13,480," he said, adding that the 178 deaths included 35 brought in dead cases.

He said yesterday's deaths, 65 were in Selangor, 36 in Johor, 23 in Kuala Lumpur, 11 in Sabah, eight each in Penang, Pahang and Melaka, five in Kelantan, four each in Negri Sembilan, Sarawak and Terengganu and one each in Kedah and Perak.

He said 1,060 patients were currently in intensive care, with 528 requiring ventilators.

"Ninety-eight per cent, or 22,491 new infections, involve patients who display little to no Covid-19 symptoms.

"Most patients are asymptomatic or have mild symptoms,

in Categories 1 and 2.

"Another two per cent, or 457 cases, are patients in Categories 3 and 4, who require medical treatment, and Category 5, who need ventilator support."

He said the categories were determined based on the clinical condition of each Covid-19 patient.

"Some people stay in the same category throughout the infection, while some change categories depending whether they improve or deteriorate in the course of their treatment."

Dr Noor Hisham said 17,981 cases, or 78.4 per cent, of yesterday's new cases involve people who had yet to complete vaccination.

He said Malaysia's infectivity rate, or Rt value, was now at 1.04.

"Perlis recorded the highest Rt at 1.33, followed by Sarawak's 1.21 and Sabah's 1.19.

"All other states recorded Rt values that exceeded 1.0, except Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Labuan and Negri Sembilan."



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

# Rules relaxed for those fully jabbed

## States under Phase One of NRP see ease from today

By **FATIMAH ZAINAL**  
fatimah@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** Those fully vaccinated in states under Phase One of the National Recovery Plan (NRP) will now be allowed to dine in at eateries, go camping, exercise outdoors and go to pasar malam starting today.

Caretaker Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said the easing of restrictions were among those agreed on at the National Security Council (NSC) meeting yesterday.

For dine-in activities, Muhyiddin urged eatery operators to provide more dining space outside the premises for better ventilation and to also ensure customers show their Covid-19 digital vaccination certificate to prove they have completed their course of immunisation.

Fully vaccinated parents who wish to take their children who are below 17 years of age to dine in at eateries are also allowed to do so provided they follow the standard operating procedures (SOP), he said.

"Sports, recreation and leisure activities without physical contact and non-group activities (outdoors) are also permitted in the same district for states under Phase One of the NRP and beyond.

"From 6am to 10pm, these activities are allowed as long as they are done outdoors in open and semi-open spaces and physical distancing is adhered to.

"Permitted activities are jogging, exercise, taichi, cycling, skateboarding, fishing, equestrian, archery, climbing, tennis (singles), badminton (singles), golf, motorcycling and the like.

"Permitted activities also include picnics and camping. Participation of children aged 17 and under is allowed with strict adherence to SOP," he said in a statement yesterday.

He added that dine-in activities at restaurants or cafes on clubhouse premises are also permitted, following the same guidelines as other dining establishments.

However, the operation of changing rooms or showers on clubhouse premises are still not permitted.

Muhyiddin said night market and weekend market operations are also permitted and the premises owners are urged to ensure that customers show their digital certificate of Covid-19 vaccination.

"All the facilities that I announced will come into effect on Friday, 20 August 2021.

"Further details will be released by the NSC soon," he said.

Muhyiddin explained the new relaxations were added after the NSC took into account that over 50% of the Malaysian adult population has now been fully vaccinated, two weeks



**Back to life, back to reality:**

The situation in Kuala Lumpur city centre is coming back to normal with traffic picking up slowly. Muhyiddin says the onus is on citizens who have received complete vaccinations to make rational and prudent self-risk assessment in the face of the Covid-19 virus threat, adding that keeping safe is a collective responsibility. — Bernama



**Malaysia STRONGER TOGETHER**

earlier than the previous target of Aug 31.

"Apart from that, the meeting also took note of the initial positive developments from the National Covid-19 Immunisation Programme in Labuan, Sarawak, Negri Sembilan, Selangor, Kuala Lumpur and Putrajaya.

"Data collected by the Health Ministry also showed that so far, all the areas mentioned have started to show a decrease in the number of cases in Categories 3 to 5 when complete vaccination for the adult population of 18 years and above exceeded 40%," he said.

Concurrently, data from the Crisis Preparedness Response Center (CPRC) showed that the situation in the Emergency Department in Klang Valley hospitals has also improved.

Muhyiddin said the average number of patients waiting in the Emergency Department to be placed in wards for public hospitals in Klang Valley states have decreased, in line with the complete vaccination rate for the adult population in the Klang Valley which has reached 73.8%.

"As immunisation coverage increases, we will see Covid-19 cases that need to be admitted to the intensive care units (ICU) begin to show a horizontal trend and expected to decline.

"In this regard, the NSC agreed to provide additional facilities for social and economic sectors to individuals who have received complete vaccination in states that are under Phase One of the NRP," he said.

Muhyiddin, however, emphasised that every ministry and agency overseeing the facilities as well as the premises owners must be fully responsible for the implementation of the facilities provided to ensure that it is done in accordance with the rules and guidelines that have been set.

"If there is an infection at the premises, the Health Ministry will immediately take the appropriate measures including conducting a risk assessment.

"The possibility of immediately closing the premises or areas involved are also not ruled out, and neither is the issuance of compounds to parties found to be violating the SOP," he said.

Muhyiddin said the onus is on citizens who have received complete vaccinations to make rational and prudent self-risk assessment in the face of the Covid-19 virus threat, adding that keeping safe is a collective responsibility.

**New cases by category for Aug 19**

**TOTAL CASES 22,948**

**Category 1**

Asymptomatic (no symptoms)

**11,591 cases - 50.6%**

**Category 2**

Mild symptoms

**10,900 cases - 47.5%**

**Category 3**

Pneumonia (inflammation of the lungs)

**193 cases - 0.8%**

**Category 4**

Pneumonia and require oxygen

**77 cases - 0.3%**

**Category 5**

Pneumonia and need ventilator support

**187 cases - 0.8%**

Source: Health Ministry TheStar graphics

## Research vital for return to normalcy, says DG

**PUTRAJAYA:** Continuing research into Covid-19 will help the authorities to keep understanding the disease to improve clinical care and public health measures in curbing the pandemic and returning to the norm, says Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

"In working to return to the norm of our lives, research plays an important role," he said at the 14th National Conference for Clinical Research (NCCR) 2021 themed "Niche to Norm" held virtually yesterday.

During this time last year, he said only around 9,200 people were recorded to have been infected with Covid-19 in Malaysia, but the number had now increased more than 100 fold to surpass the one-million mark.

"The battle with Covid-19 carries on and I cannot stress enough how we must keep vigilant," added Dr Noor Hisham.

To assist the Health Ministry's efforts in managing the Covid-19 pandemic, the Institute for Clinical Research, together with local and international collaborators, had developed a digital health solution to remotely monitor the safety of the Covid-19 home-quarantined patients, he said.

He said the Covid-19 Digital Quarantine and Home Monitoring Solution (CODIQ-MY) uses the Internet of Medical Things and Artificial Intelligence to provide doctors with real-time information on the health status of home-quarantined patients, enabling the doctors to provide a fast and targeted treatment plan.

He also pointed out that the use of digital health was also crucial in the fight against Covid-19, such as the use of MySejahtera for remote health assessment, contact tracing and facilitating the vaccination process. — Bernama

## Record hit of 22,948 new cases reported

By **JOSEPH KAOS Jr**  
joeaosjr@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** For the second day running, Malaysia logged another daily Covid-19 record after 22,948 new cases were reported.

This surpasses the 22,242 cases recorded the previous day.

In his daily Covid-19 statement, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said 98% of the new infections were either mild or asymptomatic cases.

The other 2% or 457 cases are those in Category 3, 4 and 5, which requires hospitalisation.

Dr Noor Hisham said 78.4% or 17,981 of the cases involved those who have not been

fully vaccinated.

Malaysia's cumulative cases now stand at 1,489,460.

Selangor still has the most number of cases with 7,175 infections.

Two states with more than 2,000 cases were Sabah with 2,583 and Kedah with 2,137.

In terms of seven-day average, Selangor has the highest with 6,674 cases, followed by Sabah (1,971 cases) and Kedah (1,741).

Labuan has the lowest weekly average at four cases.

The national infectivity rate is 1.04, with Perlis having the highest at 1.33 and Sarawak at 1.21.

On Covid-19 recoveries, 21,720 more patients were discharged yesterday, bringing

the total number to 1,220,446.

There were 178 more deaths, with 65 of them in Selangor.

Out of this, 35 cases were classified as brought-in-dead, comprising 26 Malaysians and nine foreigners.

The country's death toll now stands at 13,480.

Currently, there are 255,534 active cases nationwide, with 1,060 under intensive care and 528 on ventilator support.

Dr Noor Hisham also said 42 new clusters were detected across the country.

Of this, 23 are workplace clusters with 972 confirmed cases.

Another 15 clusters were community outbreaks with 423 infections.